

20 JAN 1998

## KADAR ANTARA BANK BERGERAK DI ATAS 10 PERATUS

Oleh: Minggu Simon Lhasa

KUALA LUMPUR, Jan 20 (Bernama) -- Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bergerak di atas 10 peratus hari ini dan arah aliran meningkat beransur-ansur itu dijangka berterusan sepanjang separuh pertama tahun ini.

Kadar faedah yang tinggi dilihat sebagai perlu bagi menstabilkan ringgit dan memperlahankan pertumbuhan kredit yang pesat, yang pada akhir November berkembang 26.9 peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telahpun berkata Malaysia akan menimbang menaikkan kadar faedah sejajar dengan saranan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pengarah urusan IMF Michel Camdessus telah berkata bahawa Malaysia mesti menaikkan kadar faedah untuk membendung tekanan inflasi daripada penurunan nilai matawang dan pertumbuhan kredit yang lebih tinggi.

Kadar faedah akan terus meningkat sehingga pertumbuhan pesat kredit menunjukkan penyederhanaan, kata pengurus jabatan ekonomi dan penyelidikan pasaran Rating Agency Malaysia Bhd, Dr Yeah Kim Leng.

Ia juga akan bergangung kepada tekanan inflasi, yang kini berada pada arah aliran meningkat, katanya.

Kadar faedah yang meningkat dilihat sebagai penimbal terhadap unit tempatan yang kian lemah. Dr Yeah berpendapat bahawa kadar faedah boleh dibiarkan berkembang kepada 11 peratus, sambil berkata bahawa pertumbuhan di atas paras itu akan menjejaskan ekonomi dan membantut pertumbuhan ekonomi.

Tanda aras kadar Klibor tiga bulan berada pada 10.4 peratus hari ini berbanding dengan 9.57 peratus semalam.

Dr Yeah berkata kadar faedah yang lebih tinggi akan juga menambahkan beban ke atas membayar balik pinjaman tertunggak.

Setakat ini kesan sepenuhnya kegawatan dan kadar faedah yang lebih tinggi yang datang dengannya belum lagi meresap betul ke dalam ekonomi, katanya, sambil menambah bahawa ini akan berlaku dalam separuh kedua di mana kesan kemerosotan akan dirasai.

Kadar faedah yang lebih tinggi juga akan melembapkan projek-projek baru. Dr Yeah berkata syarikat-syarikat yang bergearan tinggi dan projek-projek akan merasakan hasil kenaikan kadar faedah daripada segi bebanan membayar balik hutang.

Ramalan masa depan jangka pendek bagi kadar faedah adalah agak tidak menentu kerana institusi-institusi kewangan bergantung kepada sebahagian besar dana di pasaran antara bank, katanya, sambil menambah kata bahawa paras mudahtunai akan mempengaruhi pasaran.

Mengenai ramalan bahawa kadar faedah akan mencecah 13 hingga 14 peratus, katanya jika itu berlaku, paras itu terlalu tinggi dan akan mempunyai kesan yang keras ke atas ekonomi tempatan.

Katanya terdapat pandangan yang berbeza mengenai kadar faedah yang digunakan sebagai penawar untuk masalah kewangan, tetapi pandangan yang sedang muncul ialah bahawa kadar faedah yang lebih tinggi adalah tidak diinginkan kerana ia akan membunuh pertumbuhan.

Masalah kewangan, seperti yang dihadapi oleh rantau ini sekarang, patut diselesaikan dengan cara-cara lain seperti penggabungan atau penyusunan semula, tambahnya.

"Anda boleh bayangkan kesan kenaikan 200 hingga 300 mata asas daripada segi kos pembayaran balik hutang dengan pinjaman tertunggak pada akhir November tahun lalu pada sekitar RM399 bilion," tambah beliau.

Mengenai ringgit, Dr Yeah berkata unit tempatan itu, yang telah merundum, akan melihat kenaikan beransur-ansur tetapi tidak akan ada pemulihan yang cepat ke paras sebelum kegawatan sekitar RM2.50 kepada setiap dolar Amerika.

Beliau meramalkan ringgit bergerak di antara paras RM3.5 dan RM4.3 berbanding dolar Amerika, sambil berkata akan terdapat pengukuhan dalam dua tahun akan datang dengan pertumbuhan pada sekitar 3.0 hingga 4.0 peratus setahun sebelum Malaysia boleh menikmati pertumbuhan lebih tinggi setanding dengan sebelum kegawatan.

Ketua pegawai eksekutif Kompleks Metrowangsa, Dr Ghazali Atan, berkata tidak ada logik ekonomi yang asas bagi kadar faedah untuk bergerak di atas 10 peratus sekarang.

Tetapi katanya beliau akan memahami sekiranya langkah itu adalah untuk mempertahankan ringgit dan berikutan kenyataan oleh Camdessus IMF yang berkata bahawa Malaysia mesti menaikkan kadar faedahnya.

Sementara itu, seorang peniaga tukaran wang asing di sebuah bank tempatan berkata ringgit boleh meningkat kepada 3.94 selepas cuti perayaan yang panjang jika ia dapat menjadi stabil di antara 4.00 hingga 4.17. Kenaikan di dalam unit tempatan itu akan berlaku secara beransur-ansur, katanya. -- BERNAMA

MSL OS